



PETUGAS kesihatan membuat persediaan bagi kemasukan pesakit di Pusat Kuarantin dan Rawat Covid-19 di Dewan Al-Farabi, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Alor Setar semalam. — SHAHIR NOORDIN

(7 Jun 2021) FOS INO, p.4

Kes turun selepas seminggu PKP penuh

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Kes harian negara menunjukkan penurunan selepas seminggu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh dengan 6,241 kes dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 616,815 kes.

Kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 pula terus meningkat mencatatkan 86,628 kes dengan 890 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 444 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Terdapat 87 kes kematian Covid-19 direkodkan termasuk tiga daripadanya warga asing dilaporkan di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Kuala Lumpur, Sarawak, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka dan Labuan dengan jumlah kematian terkini sebanyak 3,378 kes.

Pada masa sama, sebanyak 5,133 kes sembuh dicatatkan se-

malam menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 526,809 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes semalam, Selangor melaporkan sebanyak 2,178 kes, diikuti oleh Sarawak (600 kes) dan Johor (565 kes).

"Seterusnya, Negeri Sembilan (556 kes), Kuala Lumpur (415 kes), Sabah (305 kes), Pulau Pinang (271 kes), Kelantan (270 kes), Melaka (225 kes), Labuan (212 kes), Perak (174 kes), Terengganu (158 kes), Pahang (155 kes) dan Kedah (125 kes).

"Putrajaya pula sebanyak 30 kes, manakala Perlis dengan dua kes," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, sebanyak 30 kluster baharu dikenal pasti melibatkan 18 kluster tempat kerja dengan 10 kluster melibatkan sektor perkilangan.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	6,241
Import:	4
Tempatan:	6,237
• Pulih	5,133
• Kematian	87
• Masih dirawat	86,628
• Jumlah kes sembuh	526,809
• Jumlah Kematian	3,378
Jumlah kes keseluruhan	616,815

"Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan menasihatkan masyarakat untuk sentiasa patuh prosedur di tempat kerja," ujarnya.